



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

NOTIS MAKLUMAN

**TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN PERMOHONAN PELANJUTAN
TEMPOH KELULUSAN BERSYARAT PENGGAJIAN PEKERJA ASING**

DAN

**PENUTUPAN ONE STOP CENTRE (OSC), BAHAGIAN PENGURUSAN
PEKERJA ASING (BPPA), KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)**

Merujuk kepada Notis Makluman terdahulu bertarikh 17 Januari 2022 berkaitan permohonan pelanjutan tempoh kelulusan bersyarat penggajian pekerja asing, semua majikan/syarikat adalah dipohn mengambil maklum bahawa **tarikh akhir pengemukaan permohonan adalah pada 31 Mei 2022 (Selasa)**. Semua permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan diterima dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

Selanjutnya, selari dengan keputusan Jemaah Menteri pada 20 April 2022 berkaitan perpindahan fungsi ke Kementerian Sumber Manusia (KSM), dimaklumkan bahawa **OSC, BPPA, KDN akan ditutup sepenuhnya bermula 1 Jun 2022**. Semua perkhidmatan/permohonan berkaitan penggajian pekerja asing seterusnya akan diuruskan oleh OSC, KSM dan Jabatan Imigresen Malaysia. Senarai perkhidmatan/permohonan yang terlibat adalah seperti di **Lampiran I**.

Maklumat lanjut berkaitan pengoperasian OSC, KSM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dan sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan melalui emel tfpa@mohr.gov.my.

Sekian, terima kasih.

**BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA ASING
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
26 MEI 2022**

Lampiran I

SENARAI PERKHIDMATAN/PERMOHONAN BERKAITAN PENGGAJIAN PEKERJA ASING YANG TERLIBAT:

Pertukaran Majikan	
Pertukaran Lokasi	
Pengemaskinian nama dan alamat syarikat	Semua permohonan akan diuruskan oleh OSC, KSM
Penyelarasan nombor pendaftaran syarikat	
Pengemaskinian maklumat majikan /wakil majikan (Sistem MyIMMs)	
Tuntutan bayaran balik levi	Tuntutan perlu dikemukakan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya